

Received	21 November 2025	Accepted	21 November 2025
Revised	21 December 2025	Published	26 December 2025
Volume	7, December 2025	Pages	80-92
http://doi.org/			
To cite: Khazri Osman, et.al. 2025. Integrasi AI dalam komunikasi pengajaran bahasa Arab: tinjauan kritis dari perspektif guru. <i>Al-Qalam International Journal of Arabic Studies</i> . Vol. 7 (December 2025): 80-92. DOI: http://doi.org/			

Integrasi AI dalam Komunikasi Pengajaran Bahasa Arab: Tinjauan Kritis dari Perspektif Guru

Integration of AI in Arabic Language Teaching Communication: A Critical Review from Teachers' Perspectives

Khazri Osman¹, Al Dairi Salha Juma Mohamed², Marhamah Ulfa³, Dayang Sakini Mohd Kadri⁴ & Mohamad Yazid Abdul Majid⁵

Abstrak

Kajian ini bertujuan meneliti secara kritis pandangan guru Bahasa Arab terhadap integrasi kecerdasan buatan (AI) dalam komunikasi pengajaran di dalam kelas. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk eksploratori, melibatkan temu bual separa berstruktur bersama lima orang guru Bahasa Arab berpengalaman di sekolah menengah. Analisis tematik terhadap data temu bual mengenal pasti empat tema utama, iaitu kemudahan dalam penjelasan kandungan pelajaran, peningkatan interaksi dua hala, penjimatan masa dalam pengajaran serta penglibatan pelajar yang lebih aktif. Kajian ini mengisi kelompangan dalam penyelidikan semasa dengan meneliti secara mendalam pengalaman guru berkaitan penggunaan AI dalam konteks komunikasi pedagogi, yang masih kurang diterokai khususnya di peringkat sekolah menengah. Dapatan dianalisis menggunakan

¹ Khazri Osman, Pusat Kajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. E-Mel: khazri@ukm.edu.my

² Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia.
E-Mel: p142818@siswa.ukm.edu.my

³ Program Studi Pendidikan Bahasa Arab, IAIN Datuk Laksemana Bengkalis, Riau, Indonesia. E-mel: marhamahulfa98@gmail.com

⁴ Dayang Sakini Mohd Kadri, Jabatan Dakwah dan Usuluddin, Fakulti Dakwah, Pendidikan dan Peradaban Islam, Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah.
E-Mel: dayang@unipsas.edu.my

⁵ Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia.
E-mel: yazidmajid@usim.edu.my

kerangka Teori Kompetensi Komunikasi (Spitzberg & Cupach) yang meliputi pengetahuan, kemahiran dan motivasi dalam pembentukan komunikasi berkesan. Kajian ini menampilkan gambaran awal tentang potensi dan cabaran AI dalam menyokong aspek tertentu komunikasi guru dalam PdPc Bahasa Arab. Walaupun sesetengah guru melihat AI sebagai alat bantu dalam menjelaskan kandungan dan merangsang interaksi, terdapat juga kerisauan tentang kebergantungan pelajar pada teknologi, kekangan infrastruktur serta jurang literasi digital dalam kalangan guru. Kajian ini seterusnya mencadangkan agar integrasi teknologi dilakukan secara lebih berhemah dan disokong oleh dasar pendidikan yang peka terhadap keperluan sebenar guru dan pelajar.

Kata kunci: kecerdasan buatan, pengajaran bahasa Arab, komunikasi di dalam kelas, persepsi guru

Abstract

This study critically examines Arabic language teachers' perspectives on the integration of artificial intelligence (AI) in instructional communication within the classroom. Using a qualitative approach and exploratory research design, five experienced secondary school Arabic teachers were interviewed through semi-structured sessions. Thematic analysis of the interview data identified four key themes: facilitation in explaining content, enhanced two-way interaction, time efficiency in lesson delivery, and increased student engagement. The study addresses a research gap by exploring how AI is perceived and utilised in pedagogical communication, particularly at the secondary school level an area that remains under-researched. The findings were interpreted through the framework of the Communication Competence Theory (Spitzberg & Cupach), which includes knowledge, skills, and motivation as core components of effective communication. Overall, the study presents preliminary empirical insights into the potential and limitations of AI as a support tool in certain aspects of teacher-student communication. While some teachers viewed AI as helpful for simplifying content and promoting classroom interaction, concerns were also raised regarding students' overreliance on technology, infrastructure limitations, and gaps in digital literacy among educators. The study recommends that AI integration be approached with caution and supported by education policies that are attentive to the actual needs of both teachers and students.

Keywords: artificial intelligence, Arabic language teaching, classroom communication, teacher perceptions

Pengenalan

Kepantasan arus teknologi menjadi salah satu faktor penggerak dalam aspek ekonomi, politik dan sosial seperti kehidupan masyarakat terutama pembelajaran.

Kepantasan ini telah mendatangkan impak yang ketara dalam mempengaruhi pola kehidupan seharian masyarakat. Hal-hal yang berlaku dalam kalangan masyarakat akan mengalami perubahan apabila berlaku pembangunan dan evolusi dalam pembangunan dan teknologi. Penggunaan dan penerimaan teknologi dilihat memberi kesan transformasi kepada kegiatan seharian serta menjana pelbagai peluang kepada masyarakat. Penggunaan teknologi kecerdasan buatan telah meningkat secara drastik dan telah digunakan dalam pelbagai bidang seperti automotif, pengenalpastian data, pengurusan data pesakit, keselamatan siber dan sebagainya (Sallehuddin et al., 2025). Kemajuan teknologi kecerdasan buatan ataupun *Artificial Intelligence* (AI) dan revolusi industri 4.0 juga telah memberi kesan dalam dunia pendidikan di Malaysia malah kaedah pembelajaran tradisional berkemungkinan tidak dapat menarik minat dan citarasa para pelajar pada abad ini. Permasalahan ini disokong oleh Haleem et al. (2022) yang berpendapat kaedah pengajaran tradisional semakin tidak mampu memenuhi keperluan generasi pelajar masa kini yang cenderung kepada pendekatan pembelajaran lebih interaktif, responsif dan berasaskan teknologi. Transformasi digital ini menunjukkan bahawa pendekatan pengajaran tradisional semakin kurang berupaya memenuhi keperluan generasi pelajar abad ke-21, yang cenderung kepada pembelajaran interaktif, responsif dan berasaskan teknologi.

Kepesatan arus teknologi masa kini telah menjadi pemangkin utama kepada perubahan dalam pelbagai aspek kehidupan manusia, termasuk pendidikan, apabila inovasi digital mengubah cara masyarakat berinteraksi, bekerja dan belajar. Penggunaan teknologi secara meluas telah membuka ruang kepada pelbagai peluang baharu, khususnya melalui kemajuan kecerdasan buatan (AI) yang kini diaplikasikan secara signifikan dalam sektor automotif, perubatan, pengurusan data dan keselamatan siber, seterusnya memberi impak besar kepada sistem pendidikan negara.

Dalam konteks pengajaran Bahasa Arab pula, cabaran utama terletak pada penguasaan aspek linguistik seperti morfologi, sintaksis dan pembentukan ayat. Penguasaan ini amat bergantung kepada kecekapan guru dalam menyampaikan ilmu secara jelas dan tersusun melalui aplikasi dan kemahiran pedagogi. Seperti yang dinyatakan oleh National Centre of Assessment in Higher Education (2017), seorang guru yang berwibawa perlu memahami bidang ilmunya secara mendalam dan mampu menyampaikannya secara jelas dan berkesan. Kajian ini menunjukkan bahawa morfologi dan sintaksis memainkan peranan yang amat signifikan dalam mempertingkatkan kemahiran penulisan dalam bahasa Arab, khususnya dalam kalangan pelajar bukan penutur asli, kerana penguasaan terhadap struktur ayat dan pembentukan kata yang tepat membolehkan mereka menyampaikan idea secara lebih jelas, tersusun dan gramatis dalam konteks penulisan akademik dan komunikasi formal (Awang et al. 2025).

Dalam hal ini, penggunaan alat pembelajaran digital dan aplikasi AI menawarkan pengalaman pembelajaran yang lebih menarik melalui penjaan contoh ayat, visualisasi tatabahasa, maklum balas segera dan latihan adaptif yang berupaya meningkatkan kefahaman pelajar dengan lebih cepat. Teknologi ini turut membantu mempercepat penyediaan bahan pengajaran dan merangsang penglibatan pelajar secara aktif, seterusnya berpotensi memperkukuh komunikasi dua hala di dalam

kelas. Walaupun integrasi teknologi menghadapi cabaran seperti keraguan dan sikap berhati-hati dalam kalangan guru, pendidikan masa kini menuntut penyesuaian yang lebih progresif agar sistem pembelajaran kekal relevan, berkesan dan mampu melahirkan pelajar yang bersedia menghadapi tuntutan abad ke-21.

Walau bagaimanapun, kajian semasa menunjukkan bahawa penyelidikan mengenai aplikasi AI dalam PdPc bahasa Arab masih bertumpu pada konteks pengajian tinggi atau pembelajaran sendiri, sedangkan perspektif guru-guru sekolah menengah yang berhadapan realiti komunikasi di dalam kelas yang sebenar masih kurang diterokai. Tambahan pula, belum banyak kajian yang menilai bagaimana AI menyokong kompetensi komunikasi pedagogi berdasarkan kerangka teori yang mantap, khususnya Teori Kompetensi Komunikasi oleh Spitzberg dan Cupach. Jurang inilah yang menuntut penyelidikan mendalam terhadap bagaimana AI mempengaruhi pengetahuan, kemahiran dan motivasi komunikasi guru dalam PdPc bahasa Arab.

Sehubungan itu, penyelidikan ini dijalankan untuk mengkaji secara kritis persepsi dan pengalaman guru Bahasa Arab sekolah menengah terhadap penggunaan AI dalam pengajaran dan komunikasi di dalam kelas. Fokus utama diberikan kepada keberkesanan teknologi ini dalam memperkukuh komunikasi dua hala antara guru dan pelajar. Bagi mencapai komunikasi PdPc yang berkesan, guru bukan sahaja perlu menguasai kandungan, tetapi turut memiliki strategi komunikasi yang mampu merangsang interaksi bermakna dalam kelas. Oleh itu, kajian ini menilai peranan AI melalui kerangka Teori Kompetensi Komunikasi bagi meneliti sejauh mana teknologi tersebut menyokong pengetahuan, kemahiran dan motivasi komunikasi guru. Kajian ini signifikan kerana menyediakan bukti empirikal tentang bagaimana AI dapat meningkatkan kompetensi komunikasi pedagogi, sekali gus menyumbang kepada perancangan PdPc yang lebih efektif serta penggubalan dasar pendidikan digital yang lebih menyeluruh.

Sorotan Literatur

Perkembangan pesat teknologi kecerdasan buatan (AI) telah menarik perhatian ramai penyelidik dalam bidang pendidikan, khususnya dalam konteks pengajaran dan pembelajaran bahasa. Kajian-kajian terdahulu menunjukkan bahawa penggunaan AI di dalam kelas mampu meningkatkan keberkesanan proses pembelajaran melalui pelbagai pendekatan yang lebih interaktif, responsif dan berfokus kepada keperluan individu pelajar. Yatri et al. (2023) mendapati bahawa AI meningkatkan interaktif dan membolehkan maklum balas diberikan secara cepat. Adawiyah (2025) pula menunjukkan bahawa latihan sebutan, pemahaman teks dan bahan pengajaran adaptif melalui AI berjaya meningkatkan kefahaman pelajar. Kajian oleh Garba dan Hassan (2024) membuktikan bahawa aplikasi seperti Duolingo, Lingbe dan ArabicPod101 mampu meningkatkan keyakinan pelajar dalam komunikasi lisan melalui latihan audio yang interaktif. Samin dan Osman (2024) pula menyatakan bahawa AI meringankan beban guru dan membolehkan mereka memberi lebih tumpuan kepada aktiviti komunikasi di dalam kelas.

Namun begitu, kejayaan penggunaan teknologi AI dalam PdPc masih bergantung pada penerimaan dan kesediaan guru. Watted & Watted (2025)

menjelaskan bahwa penerimaan guru terhadap AI dipengaruhi oleh jangkaan terhadap prestasi, tahap kemudahan penggunaan serta sokongan daripada pihak sekolah atau organisasi. Dapatan ini turut disokong oleh Garba dan Hassan (2024) yang menegaskan bahawa meskipun AI dapat menyokong penguasaan bahasa, peranan guru sebagai pembimbing tetap penting. Cabaran lain yang dikenal pasti termasuk ketidaktepatan data bahasa Arab dalam sistem AI, kekurangan kemahiran digital dalam kalangan guru dan pelajar serta masalah infrastruktur yang tidak mencukupi (Adawiyah 2025; Samin & Osman 2024). Tambahan pula, Yatri et al. (2023) turut merekodkan kebimbangan guru terhadap kemungkinan wujudnya kebergantungan pelajar secara berlebihan kepada aplikasi pintar. Selain itu, cabaran teknikal AI dalam memproses bahasa Arab turut menjadi faktor yang menghalang integrasi menyeluruhnya dalam PdPc. Bahasa Arab mempunyai sistem morfologi yang sangat kompleks, dan hal ini menyebabkan model AI sukar mencapai ketepatan tinggi dalam analisis bentuk kata dan pola derivasi (Ali, 2024). Kajian Bousetouane (2024) menunjukkan bahawa model AI sedia ada masih menghasilkan kesilapan signifikan dalam analisis morfologi dan penjanaan teks Arab, terutamanya apabila berhadapan dengan variasi imbuhan dan struktur kata yang tidak linear. Tambahan pula, sistem AI sering gagal memahami kehalusan makna konteks dalam ayat Arab, sekali gus menghasilkan terjemahan atau kandungan yang tidak tepat (Aljanabi, 2024). Kerumitan sintaks Arab turut memburukkan cabaran tersebut, apabila model AI tidak dapat menguraikan struktur ayat yang kompleks dan berlapis secara berkesan (Saadiyeh et al., 2025). Kesemua dapatan ini menunjukkan bahawa walaupun AI berpotensi menyokong pembelajaran Bahasa Arab, guru masih perlu melakukan semakan manual bagi memastikan ketepatan kandungan, yang seterusnya menjejaskan tahap keyakinan mereka untuk mengintegrasikan teknologi ini sepenuhnya dalam PdPc.

Kajian sistematik oleh Criollo-C et al. (2022) bersama beberapa penyelidik terkini menunjukkan bahawa integrasi alat digital seperti aplikasi mudah alih, sistem pengecaman suara dan platform Pengurusan Pembelajaran (LMS) telah meningkatkan keterlibatan pelajar serta memperkukuh autonomi dalam pembelajaran. Dalam konteks pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab sebagai bahasa kedua, teknologi ini terbukti berkesan dalam membantu pelajar mengatasi cabaran fonologi dan morfologi yang kompleks (Benlaghrissi & Ouahidi 2024; Zghoul & Bataineh 2024). Kajian turut mendapati bahawa penggunaan aplikasi seperti Flipgrid dan Duolingo menyumbang kepada peningkatan keyakinan pelajar, sebutan yang lebih tepat, serta kefasihan dalam pertuturan (Arif & Kleden 2024; Huseynova 2024). Dapatan ini turut disokong oleh Zamri et al. (2025) yang menunjukkan bahawa alat AI berasaskan gamifikasi dan elemen interaktif mampu menjadikan pembelajaran lebih menarik dan menyeronokkan, sekali gus meningkatkan motivasi intrinsik pelajar untuk terlibat secara aktif dalam proses PdPc. Selain itu, penerapan teknologi AI dalam persekitaran pembelajaran interaktif seperti model *flipped learning* turut terbukti dapat mengembangkan kemahiran aras tinggi termasuk pemikiran kritis, komunikasi, kolaborasi dan kreativiti yang merupakan pemangkin penting kepada peningkatan motivasi intrinsik dalam pembelajaran bahasa (Islami et al., 2024).

Tambahan itu, kajian lain turut menunjukkan peningkatan signifikan dalam hasil pembelajaran apabila AI digunakan sebagai alat sokongan pedagogi. Wei (2023) melaporkan bahawa arahan yang dimediasi AI meningkatkan pencapaian bahasa secara ketara, termasuk aspek tatabahasa, perbendaharaan kata, pemahaman membaca dan kemahiran menulis berbanding kaedah tradisional. Selari dengan itu, Bilgi (2025) mendapati bahawa platform pembelajaran berasaskan AI meningkatkan kadar pengekalan pelajar sebanyak 23–45% dan menaikkan tahap penglibatan sehingga 67%, sekali gus menegaskan kesan motivasi dan interaktiviti yang dibawa oleh teknologi ini. Dapatan-dapatan ini mengukuhkan hujah bahawa AI berpotensi memberi impak serupa dalam pengajaran Bahasa Arab, khususnya dalam membantu pelajar memproses struktur linguistik yang kompleks serta mengekalkan penglibatan dalam aktiviti komunikasi lisan dan bertulis. Penemuan-penemuan ini mengukuhkan justifikasi perlunya integrasi teknologi secara sistematik dalam proses pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab.

Di peringkat dasar pula, komitmen Kementerian Pendidikan Malaysia terhadap integrasi teknologi jelas tergambar dalam Dasar Pendidikan Digital (2023) yang menggariskan enam teras strategik, antaranya Murid Fasih Digital, Pendidik Kompeten Digital, serta Kandungan Digital Berkualiti. Teras-teras ini bukan sahaja mengiktiraf peranan teknologi dalam pendidikan, malah menegaskan keperluannya sebagai elemen asas dalam ekosistem PdPc masa kini. Teras kedua, khususnya, amat relevan dengan kajian ini kerana ia menumpukan kepada kesediaan guru mengintegrasikan teknologi dalam pengajaran, manakala Teras keempat dan kelima memberi penekanan kepada aspek sokongan infrastruktur dan penyediaan sumber digital yang berkualiti.

Secara keseluruhan, sorotan literatur menunjukkan bahawa AI berupaya memperkukuh proses pembelajaran dan komunikasi dalam Bahasa Arab, terutamanya melalui maklum balas segera, penyediaan contoh ayat yang tepat serta latihan adaptif. Namun, cabaran berkaitan ketepatan data, kemudahan infrastruktur dan tahap literasi digital masih menjadi kekangan utama. Lebih penting lagi, jurang kajian masih wujud kerana kebanyakan penyelidikan sebelum ini lebih tertumpu kepada pensyarah universiti (Adawiyah 2025; Samin & Osman 2024), pelajar institusi pengajian tinggi (Yatri et al. 2023) dan penutur bukan jati (Garba & Hassan 2024). Kajian tentang pengalaman guru Bahasa Arab di peringkat sekolah menengah pula masih kurang diberikan perhatian. Oleh itu, artikel ini bertujuan mengisi kelompangan tersebut dengan mengkaji persepsi guru tentang penggunaan AI, khususnya dalam menjelaskan struktur bahasa, memperkasa interaksi dua hala serta menyokong pembelajaran secara masa nyata dalam PdPc Bahasa Arab.

Kerangka Teori

Teori Kompetensi Komunikasi yang dikemukakan oleh Spitzberg dan Cupach menjelaskan bahawa kompetensi komunikasi merupakan hasil gabungan antara motivasi, pengetahuan dan kemahiran yang saling berinteraksi dalam menghasilkan komunikasi yang berkesan serta sesuai mengikut konteks. Ketiga-tiga komponen ini tidak berfungsi secara terpisah, sebaliknya membentuk satu sistem yang saling melengkapi dalam menentukan keberkesanan prestasi komunikasi. Dalam konteks

pendidikan, teori ini memberikan asas konseptual yang kukuh untuk menilai bagaimana pendidik menggunakan bahasa, teknologi dan strategi komunikasi bagi menyampaikan ilmu secara berkesan. Justeru, teori ini amat relevan untuk diaplikasikan dalam kajian yang meneliti komunikasi guru Bahasa Arab, khususnya dalam penggunaan teknologi berasaskan kecerdasan buatan, kerana ia menekankan bahawa keberkesanan komunikasi dipengaruhi oleh kesediaan guru, penguasaan pengetahuan linguistik serta kemahiran sebenar dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran (Spitzberg 1983).

Kajian ini memanfaatkan Teori Kompetensi Komunikasi oleh Spitzberg & Cupach (2009) yang menegaskan bahawa keberkesanan komunikasi bergantung pada tiga komponen utama, iaitu pengetahuan (knowledge), kemahiran (skills) dan motivasi (motivation). Kompetensi komunikasi bukan hanya melibatkan penyampaian maklumat, tetapi kemampuan menyesuaikan mesej, memilih strategi yang tepat dan memastikan pemahaman yang berlaku dalam sesuatu interaksi. Dalam konteks pengajaran Bahasa Arab, teori ini menyediakan asas penting untuk memahami bagaimana penggunaan kecerdasan buatan (AI) menyokong keupayaan guru dan pelajar berkomunikasi dengan lebih berkesan. Berdasarkan dapatan kajian, AI menyokong komponen pengetahuan melalui penyediaan contoh ayat, penerangan tatabahasa dan maklum balas segera yang membantu pendidik dan pelajar meningkatkan kefahaman linguistik. Hal ini selaras dengan dapatan PK1 dan PK2 yang menegaskan bahawa AI memudahkan penjelasan nahu dan mempercepat kefahaman pelajar.

Komponen kemahiran (skills) turut ditingkatkan apabila AI membolehkan pelajar berlatih pertuturan, membina ayat dan menerima pembetulan secara terus-menerus. AI mampu menyediakan peluang interaksi yang dapat menggalakkan pelajar mencuba komunikasi lisan tanpa rasa takut membuat kesalahan. Hal ini selari dengan dapatan peserta kajian ini, seperti PK2 dan PK5 yang menunjukkan bahawa pelajar lebih aktif dan yakin untuk berkomunikasi apabila dibantu aplikasi AI. Sementara itu, komponen motivasi sangat jelas disokong oleh dapatan kajian apabila AI mengukuhkan minat, keterlibatan dan kesediaan pelajar untuk berkomunikasi dalam Bahasa Arab. Elemen visual dan audio yang interaktif membantu menarik perhatian pelajar dan menjadikan pembelajaran lebih menyeronokkan, sebagaimana dijelaskan oleh PK4 dan PK5 kajian ini. Secara keseluruhannya, teori ini menyediakan asas konseptual yang kukuh untuk menerangkan bagaimana penggunaan teknologi berasaskan kecerdasan buatan dapat memperkukuh kompetensi komunikasi tenaga pengajar dan pelajar melalui pemantapan pengetahuan bahasa, pengembangan kemahiran berkomunikasi, serta rangsangan motivasi dalam pembelajaran. Kerangka teori ini turut berperanan sebagai landasan yang menghubungkan dapatan kajian dengan pengertian pedagogi terhadap penggunaan teknologi di dalam kelas.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk *exploratory* bagi meneroka secara mendalam persepsi guru Bahasa Arab terhadap kepentingan penggunaan kecerdasan buatan (AI) dalam komunikasi di dalam kelas. Pendekatan

ini dipilih kerana penggunaan AI dalam pedagogi bahasa merupakan fenomena baharu yang memerlukan pemahaman mendalam berdasarkan pengalaman sebenar guru. Reka bentuk *exploratory* membolehkan penyelidik menyelami interpretasi dan pandangan guru tentang peranan AI dalam meningkatkan keberkesanan komunikasi PdPC. Pengumpulan data dilaksanakan melalui temu bual separa berstruktur melibatkan lima orang guru Bahasa Arab sekolah menengah yang dipilih secara pensampelan bertujuan. Informan dipilih berdasarkan pengalaman mereka menggunakan atau terdedah kepada aplikasi AI seperti ChatGPT, perisian tatabahasa, aplikasi pertuturan dan sebagainya. Kaedah temu bual ini memberi fleksibiliti kepada penyelidik untuk meneroka isu-isu penting yang muncul semasa perbualan, sekali gus memperoleh gambaran terperinci tentang bagaimana AI membantu penjelasan bahasa, memudahkan interaksi dua hala dan meningkatkan motivasi pelajar.

Pemilihan informan dalam kajian ini menggunakan kaedah pensampelan bertujuan atau *purposive sampling* bagi memastikan data yang diperoleh adalah relevan dan mencerminkan realiti sebenar penggunaan AI dalam pengajaran bahasa Arab. Seramai lima orang informan dipilih, terdiri daripada Guru Pendidikan Islam (GPI) yang aktif mengajar Bahasa Arab di sekolah menengah. Kesemua informan mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya lima belas tahun dalam pengajaran bahasa Arab, serta pernah menggunakan atau terdedah kepada aplikasi AI seperti *ChatGPT*, *Google Translate*, *Grammarly Arabic*, aplikasi pertuturan berbantuan AI atau platform pembelajaran berasaskan AI. Pemilihan ini selari dengan dapatan kajian lepas, yang menunjukkan bahawa penggunaan AI dalam pembelajaran Bahasa Arab kini semakin berkembang, namun masih memerlukan kajian lanjut tentang bagaimana guru menilainya terutama dari sudut komunikasi pedagogi. Misalnya, kajian oleh Garba & Hassan (2024) menunjukkan bahawa AI berpotensi mengukuhkan kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis dalam bahasa Arab. Berdasarkan perkembangan ini, pemilihan informan yang berpengalaman dan terdedah kepada penggunaan AI adalah sangat penting bagi mendapatkan gambaran yang lebih mendalam tentang bagaimana AI digunakan untuk membentuk komunikasi dua hala antara pendidik dengan pelajar dalam pengajaran Bahasa Arab. Pendekatan ini diyakini dapat menghasilkan data berkualiti yang menyumbang kepada pemahaman mengenai cabaran, peluang dan tahap penerimaan guru terhadap penggunaan kecerdasan buatan dalam komunikasi di dalam kelas semasa PdPc berlaku.

Jadual 1.0: Latar Belakang Informan

Informan	Umur	Latar Belakang Pendidikan	Pengalaman Mengajar
Informan 1 (PK1)	48 tahun	Ijazah Sarjana Muda Bahasa Arab dan Sastera	Lebih 15 tahun
Informan 2 (PK2)	48 tahun	Ijazah Sarjana Muda Bahasa Arab dan Sastera	Lebih 15 tahun
Informan 3 (PK3)	47 tahun	Ijazah Sarjana Muda Bahasa Arab dan Sastera	Lebih 15 tahun
Informan 4 (PK4)	48 tahun	Ijazah Sarjana Muda Bahasa Arab dan Sastera	Lebih 15 tahun
Informan 5 (PK5)	49 tahun	Ijazah Sarjana Muda Bahasa Arab dan Sastera	Lebih 15 tahun

Dapatan Kajian dan Perbincangan

Bahagian ini mengupas dapatan kajian berdasarkan analisis tematik terhadap temu bual bersama lima orang informan kajian (PK1–PK5) yang berpengalaman menggunakan serta terdedah kepada teknologi berasaskan kecerdasan buatan dalam proses pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) serta komunikasi di dalam kelas. Hasil analisis tersebut telah mengenal pasti empat subtema saling berkait. Perbincangan ini menggabungkan dapatan empirikal, interpretasi penyelidik, sokongan literatur terkini serta penerapan Teori Kompetensi Komunikasi untuk memberikan gambaran menyeluruh tentang implikasi penggunaan teknologi dalam pengajaran Bahasa Arab. Subtema yang diperoleh daripada peserta kajian adalah seperti yang berikut:

A. Teknologi Memudahkan Penjelasan dan Penyampaian Bahasa Arab

Guru-guru yang ditemu bual menyatakan bahawa teknologi telah menjadi alat bantu pedagogi yang berkesan, khususnya dalam menerangkan konsep tatabahasa dan pembinaan ayat. Penggunaan aplikasi berasaskan pemprosesan bahasa membolehkan penyediaan contoh secara cepat, memberikan penerangan tambahan, dan menyesuaikan kandungan mengikut tahap kefahaman pelajar. PK1 menyatakan:

“AI ni memudahkan saya bagi contoh ayat Arab. Pelajar pun cepat faham bila saya guna aplikasi tu.”

PK2 turut menambah:

“Kalau pelajar tanya ayat contoh, saya boleh semak atau jana cepat melalui aplikasi AI.”

Perisian semakan bahasa dan platform pertuturan membantu guru menjelaskan kandungan dengan lebih terstruktur dan jelas berbanding kaedah konvensional. Dapatan ini selari dengan kajian Yatri et al. (2023) yang mendapati bahawa teknologi mempertingkatkan kefahaman terhadap struktur ayat menerusi contoh serta maklum balas segera. Adawiyah (2025) turut menekankan bahawa kejelasan penyampaian meningkat apabila guru memperoleh sokongan spontan daripada sistem pintar.

Dari sudut teori, dapatan ini berkait rapat dengan komponen *knowledge* dalam Teori Kompetensi Komunikasi yang menekankan kepentingan pengetahuan linguistik dan struktur mesej untuk membentuk komunikasi yang berkesan.

B. Teknologi Meningkatkan Interaksi Dua Hala Guru–Pelajar

Menurut informan, penggunaan aplikasi pintar di dalam kelas dapat menggalakkan interaksi dua hala yang lebih aktif. Pelajar menjadi lebih berani mengemukakan soalan, mencuba ayat baharu dan melibatkan diri dalam aktiviti komunikasi. Menurut PK2:

“Pelajar lebih berani cuba bercakap Arab bila saya bagi guna aplikasi suara AI.”

PK5 turut berkongsi:

“Pelajar suka bila ada teknologi. Mereka lebih aktif dan tak segan nak cuba.”

Penggunaan teknologi ini menyediakan ruang latihan yang fleksibel dan bebas tekanan, membolehkan pelajar mengulangi latihan sehingga mereka yakin dan memahami struktur yang betul. Penemuan ini disokong oleh kajian Garba dan Hassan (2024) yang menunjukkan bahawa aplikasi interaktif memperkukuh keyakinan pelajar dalam komunikasi bahasa. Watted & Watted (2025) pula menekankan bahawa persepsi positif guru terhadap keberkesanan teknologi memberi pengaruh besar terhadap penerimaan dan penglibatan pelajar.

Subtema ini mencerminkan komponen *skills* dalam Teori Kompetensi Komunikasi, iaitu kebolehan menghasilkan, memahami, dan bertindak balas terhadap mesej secara efektif khususnya di dalam kelas.

C. Teknologi Menjimatkan Masa dan Melancarkan Pengajaran

Sebahagian besar guru menyatakan bahawa penggunaan teknologi telah menjimatkan masa dalam penyediaan bahan, penjaan latihan, dan semakan tugasan. PK3 menyatakan:

“AI jimat masa. Saya tak perlu tulis satu-satu, cuma semak dan terus bincang dengan pelajar.”

Sokongan automasi ini membolehkan guru memberi lebih tumpuan kepada komunikasi berkesan dan pemantapan kefahaman pelajar. Dapatan ini selari dengan kajian Samin dan Osman (2024) yang mendapati bahawa teknologi dapat mengurangkan beban tugas rutin guru dan mempercepatkan proses PdP. Adawiyah (2025) turut menyokong bahawa keupayaan menjana bahan secara cepat menyumbang kepada kelancaran pengajaran.

Dari perspektif teori, penjimatan masa dan pengurangan beban kerja berkait dengan komponen *motivation* dalam Teori Kompetensi Komunikasi, di mana guru yang lebih bersedia dan tidak terbeban lebih bermotivasi untuk berinteraksi secara berkesan dengan pelajar.

D. Teknologi Meningkatkan Motivasi dan Penglibatan Pelajar

Kebanyakan guru menyatakan bahawa pembelajaran menjadi lebih menarik apabila elemen teknologi diperkenalkan, terutamanya yang melibatkan visual, audio dan interaktiviti. PK4 berkongsi:

“Nampak pelajar lebih minat bila saya guna AI... mereka cepat tangkap bila ada visual atau audio.”

PK5 pula menyatakan:

“Pelajar suka bila ada teknologi. Mereka jadi lebih semangat nak bercakap Arab.”

Keterlibatan pelajar dilaporkan meningkat apabila mereka mendapati kaedah pengajaran lebih menyeronokkan dan tidak membebankan. Hal ini secara langsung mengurangkan kebimbangan terhadap kesilapan dan meningkatkan keberanian untuk mencuba. Kajian Garba dan Hassan (2024) mendapati bahawa pengalaman pembelajaran yang bersifat peribadi mampu meningkatkan motivasi pelajar. Yatri et

al. (2023) pula menyatakan bahawa maklum balas segera dan latihan yang disesuaikan telah mendorong pelajar untuk lebih aktif dalam pembelajaran.

Subtema ini menyokong komponen *motivation* dalam Teori Kompetensi Komunikasi yang menekankan keinginan dan kesediaan pelajar untuk berkomunikasi. Tingkat motivasi yang tinggi memberi kesan langsung terhadap keberkesanan komunikasi di dalam kelas.

Kesimpulan

Kajian ini membuka ruang pemahaman yang lebih mendalam tentang bagaimana guru Bahasa Arab melihat peranan kecerdasan buatan (AI) dalam komunikasi di dalam kelas. Dapatan menunjukkan bahawa AI bukan sekadar alat teknologi, tetapi membantu guru menjelaskan konsep bahasa Arab dengan lebih mudah, menghidupkan interaksi dua hala dan memberikan semangat baharu kepada pelajar untuk berkomunikasi dalam bahasa sasaran. Pengalaman guru mendedahkan bagaimana AI menjimatkan masa, memudahkan penyediaan bahan, dan menjadikan PdPc lebih lancar. Hal ini membuktikan bahawa AI menyokong ketiga-tiga komponen utama dalam Teori Kompetensi Komunikasi; pengetahuan, kemahiran dan motivasi. Kekuatan utama kajian ini terletak pada pendekatan *exploratory* yang membolehkan guru menyuarakan pandangan dan pengalaman mereka secara langsung.

Namun kajian ini juga mempunyai batasan tersendiri. Jumlah informan yang terhad dan berada dalam konteks sekolah tertentu tidak memungkinkan dapatan digeneralisasikan kepada semua guru Bahasa Arab. Selain itu, kebergantungan pada temu bual semata-mata menyebabkan kajian bergantung pada naratif dan ingatan informan, yang mungkin dipengaruhi bias atau tafsiran peribadi. Oleh itu, kajian akan datang wajar melibatkan sampel guru yang lebih pelbagai, termasuk pemerhatian kelas sebenar untuk melihat bagaimana AI digunakan secara praktikal dalam PdPc. Penyelidikan masa depan juga boleh meneroka keberkesanan latihan digital untuk guru, menilai cabaran teknikal secara lebih objektif, serta mengkaji sejauh mana dasar seperti Dasar Pendidikan Digital KPM benar-benar menyokong guru di lapangan. Dengan pendekatan sedemikian, penyelidikan akan datang dapat memberikan gambaran yang lebih menyeluruh tentang kedudukan AI dalam pembelajaran Bahasa Arab di Malaysia.

Rujukan

1. Adawiyah, R. 2025. Implementing AI in Arabic language learning: Challenges and insights from Islamic higher education. *Al-Ishlah: Jurnal Pendidikan*, 17(3), 3729–3739.
2. Ali, M. A. A. M. H. 2024. Challenges related to grammatical and morphological processing of Arabic texts by means of artificial intelligence. *Journal of Electrical Systems*, 20, 1366-1380.
3. Aljanabi, M. 2024. Assessing the Arabic Parsing Capabilities of ChatGPT and Claude: An Expert-Based Comparative Study.
4. Arif, U. Q., & Kleden, E. T. 2025. The Implementation of Cake English Learning Application in Teaching Pronunciation for EFL Secondary School

- Graders. English Learning Innovation (englie), 6(1), 14-24. <https://doi.org/10.22219/englie.v6i1.37524>
5. Awang, N. A., Ali, N., Mustafa, Z., Nik Dīn, M., & Ismail, W. 2025. Bridging linguistic gaps: Syntax and morphology as key drivers in enhancing Arabic writing skills. *International Journal of Academic Research in Business & Social Sciences*, 15(11), 734–748. <https://doi.org/10.6007/IJARBSS/v15-i11/26838>
6. Bilgi, A. C. 2025. AI-enhanced differentiated instruction: Leveraging technology to support multiple intelligences in language education settings. *International Journal of New Trends in Social Sciences*, 9(1), 1–13. <https://doi.org/10.18844/ijss.v9i1.9773>
7. Benlaghrissi, H., & Ouahidi, L. M. 2023. The Impact of Mobile-Assisted Language Learning on Developing EFL Learners' Vocabulary Knowledge. *International Journal of Interactive Mobile Technologies (iJIM)*, 17(22), pp. 38–51. <https://doi.org/10.3991/ijim.v17i22.41665>
8. Benlaghrissi, H., & Ouahidi, L. M. 2024. The Impact of Mobile-Assisted Project-Based Learning on Developing EFL Students' Speaking Skills. *Smart Learning Environments*, 11(1), 18. <https://doi.org/10.1186/s40561-024-00303-y>
9. Bousetouane, F. 2024. Artificial Intelligence And Arabic Translation:, Overcoming Linguistic Complexities. 77. <https://doi.org/10.33705/1111-017-001-028>
10. Criollo-C, S., Altamirano-Suarez, E., Jaramillo-Villacís, L., Vidal-Pacheco, K., Guerrero-Arias, A., & Luján-Mora, S. 2022. Sustainable teaching and learning through a mobile application: A case study. *Sustainability*, 14(11), 6663
11. Garba, M. A., & Hassan, A. R. 2024. Use of AI in learning Arabic language by non-Arabic speakers. *International Journal of Research and Innovation in Social Science (IJRISS)*, 8(8), 2519–2532.
12. Haleem, A., Javaid, M., Qadri, M. A., & Suman, R. 2022. Understanding the role of digital technologies in education: A review. *Sustainable Operations and Computers*, 3, 275–285.
13. Huseynova, S. 2024. The Impact of Digital Tools on Foreign Language Acquisition in UnderResourced Educational Settings in Azerbaijan, 13 November 2024. <https://doi.org/10.20944/preprints202411.0976.v>
14. Islami, S., Ambiyar, A., Sukardi, S., Candra, O., Wulansari, R. E., Zaus, M. A., & Zaus, M. A. 2024. The Role of Artificial Intelligence in Flipped Interactive Learning: Building a Generation of Critical Thinkers, Skilled Communicators, Effective Collaborators, and Creative Innovators. *Salud, Ciencia y Tecnología*, 4. <https://doi.org/10.56294/saludecyt2024.1311>
15. National Center for Assessment Kingdom of Saudi Arabia. 2017. *معايير معلمي اللغة العربية*. <https://www.qiyas.sa/ar/exams/profession/teachers/Pages/default.aspx>
16. Saadiyeh, O., Ramadan, A., Hajjar, M., & Bernard, G. 2025. A comparative study of Arabic syntactic analyzers. *Frontiers in Artificial Intelligence*, 8. <https://doi.org/10.3389/frai.2025.1638743>
17. Sallehuddin, M. S. M., Salleh, M. A. M., & Ahmad, Z. 2025. Pengaruh penerimaan dan penggunaan aplikasi ChatGPT dalam kalangan pelajar

- Universiti Kebangsaan Malaysia. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 41(3), 367–387
18. Samin, S. M., & Osman, R. A. 2024. Integrating artificial intelligence into the Arabic language teaching plan at higher education. *SHS Web of Conferences*, 202, Article 06010.
 19. Shaalan, K., & Talhami, H. 2006. Error analysis and handling in Arabic ICALL systems. International Conference on Artificial Intelligence and Applications, 109–114. <https://dblp.uni-trier.de/db/conf/aia/aia2006.html#ShaalanT06>
 20. Spitzberg, B. H. 1983. Communication competence as knowledge, skill, and impression. *Communication Education*, 32(3), 323–329.
 21. Spitzberg, B.H. and Cupach, W.R. 2009. *Interpersonal Communication Competence*. San Diego: Sage Publication.
 22. Yatri, D., Anugerahwati, M., & Setyowati, L. 2023. Artificial intelligence (AI) in language learning (English and Arabic class): Students' and teachers' experience and perceptions. In *Transformational Language, Literature, and Technology Overview in Learning (TRANSTOOL)* (pp. 1–12)
 23. Watted, A., & Watted, S. 2025. Factors affecting Arab teachers' use of artificial intelligence technologies according to the Unified Theory of Acceptance and Use of Technology (UTAUT). *جامعة*, 25(2), 37–62.
 24. Wei, L. 2023. Artificial intelligence in language instruction: impact on English learning achievement, L2 motivation, and self-regulated learning. *Frontiers in Psychology*. <https://doi.org/10.3389/fpsyg.2023.1261955>
 25. Zamri, M. N., Zaki, M., Nazri, N. Z. M., Suhaimi, M. A., Rasak, N. T. S., Masri, H. M., & Suhaimi, M. H. 2025. The impact of artificial intelligence on specialized learning motivation in higher education: a conceptual paper. *INTERNATIONAL JOURNAL OF MODERN EDUCATION (IJMOE)*, 7(25), 911–930. <https://doi.org/10.35631/ijmoe.725060>
 26. Zghoul, W. M., & Bataineh, R. F. 2024. Flipgrid: Unlocking the English-Speaking Potential of Jordanian Adolescent EFL Learners. *Journal of Information Technology*
 27. Zghoul, W.M., & Bataineh, R.F. 2024. Flipgrid: Unlocking the English Speaking Potential of Jordanian Adolescent EFL Learners. *J. Inf. Technol. Educ. Innov. Pract.*, 23, 17.